

Perubahan kerajaan tidak bermakna pentadbiran lebih baik

UM 25 AUG 2002

SKUDAI 24 Ogos — Perubahan sesebuah kerajaan tidak bermakna akan memberikan pentadbiran yang lebih baik kepada negara kerana ada kerajaan yang gagal menyediakan kemajuan dan pembangunan kepada rakyat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, terdapat negara yang mempunyai kerajaan tetapi kerajaan mereka gagal untuk membangunkan negara sehingga memaksa rakyat mereka bersabung nyawa mencari rezeki di negara lain termasuk Malaysia.

"Ini jelas sekali bahawa hanya dengan memiliki kerajaan tidak menjamin negara itu mencapai kemajuan.

"Kita perlu kepada keraja-

an, tetapi kerajaan itu mestilah mempunyai kemampuan dan kebolehan tertentu sebelum dapat memajukan sebuah negara.

"Janganlah kita dengan sewenang-wenang berkata, siapa juga yang menjadi kerajaan akan membawa kemajuan kepada negara kita," kata beliau ketika berucap di hadapan lebih 2,000 pelajar dalam lawatannya ke Universiti Teknologi Malaysia di sini hari ini.

Menurut beliau, jika negara ini memiliki kerajaan yang dianggotai oleh mereka yang tidak mempunyai kecekapan, tidak memiliki pengetahuan maka pembangunan mustahil akan dicapai.

Pada masa yang sama, tegas Dr Mahathir, sesebuah

kerajaan yang dipilih oleh rakyat mestilah bijak untuk menentukan negara terus aman kerana negara ini mempunyai penduduk yang berbilang kaum.

"Lihatlah negara lain yang mempunyai penduduk berbilang kaum, apakah mereka aman, (ia) tidak aman sama sekali."

Keamanan

Kebanyakan negara luar yang memiliki rakyat berbilang kaum, katanya, dilanda masalah seperti rusuhan kaum dan tidak selamat kerana suasana yang tidak aman ekoran sukarnya bagi kaum-kaum terbabit hidup aman damai sesama mereka.

"Mungkin (mereka) ada

keinginan hidup aman damai tetapi kerajaan yang dipilih tidak mampu menjaga keamanan dalam negara dan menentukan kaum-kaum tidak tersisih atau dianiaya hingga mereka akan merusuh," katanya.

Menurut Perdana Menteri, walaupun Malaysia mempunyai tiga kaum yang besar dan 30 suku kaum yang lain, tetapi mereka dapat hidup aman damai di negara ini.

"Ya, saya akui bahawa (Malaysia) tidaklah begitu harmoni tetapi tidak ada juga rusuhan antara mereka hingga negara menjadi tidak aman.

"Ini adalah hasil usaha kita mengimbangi layanan kepada semua kaum," jelas Dr. Mahathir.